

Persekutaran Bahasa dan Keterlibatan Pelajar SABK Selangor Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Language Environment and Student Engagement among SABK Selangor Students in Learning Arabic

FATIN HAMIMAH ROSLI, HARUN BAHARUDIN & NOORAZI RANI

ABSTRAK

Persekutaran bahasa Arab sebagai bahasa asing dalam kajian ini adalah melalui komponen psikososial iaitu elemen kesepadan pelajar, sokongan guru, penglibatan pelajar; sikap pelajar berorientasikan tugas, kerjasama antara pelajar dan layanan adil guru. Pembelajaran bahasa Arab yang tidak kondusif ditambah dengan penglibatan murid yang tidak aktif menjadikan pembelajaran bahasa Arab secara komunikatif tidak dapat diperkasakan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persekitaran bahasa dalam kalangan pelajar dan keterlibatan mereka dalam menggunakan bahasa Arab. Kajian ini juga melihat hubungan persekitaran bahasa Arab dan keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab di dalam kelas dan juga di luar kelas. Seramai 331 daripada 2400 orang pelajar tingkatan empat di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Selangor dipilih sebagai sampel kajian. Kajian kuantitatif ini menerusi kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi dan diubah suai daripada kajian lepas. Analisis data deskriptif dan inferensi kajian ini menggunakan perisian IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23. Dapatan kajian menunjukkan persekitaran bahasa dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi ($min= 3.87$, sisihan piawai = 0.50). Bagi tahap keterlibatan pelajar dalam menggunakan bahasa Arab berada pada tahap sederhana tinggi ($min= 3.40$, sisihan piawai = 0.59). Ujian korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan kekuatan positif antara persekitaran bahasa dan keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab ($r=0.65$). Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pelajar SABK di Selangor mempunyai persekitaran bahasa yang membantu penglibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab walupun didapati kurang mempraktikkan penggunaan bahasa Arab di luar waktu pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini berkepentingan kepada KPM agar dapat merangka dan merancang aktiviti yang mendorong keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab dalam meningkatkan penguasaan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Kata kunci: persekitaran Bahasa; keterlibatan pelajar; kesepadan pelajar; bahasa Arab, SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan)

ABSTRACT

The Arabic language environment that we will look in this study is through psychosocial components that are elements of student integration, teacher support, student involvement, task -oriented student attitudes, cooperation between students and fair treatment of teachers. Unconducive Arabic language learning coupled with inactive student involvement makes communicative Arabic language learning unassailable. This study aims to identify the level of language environment among students and their engagement in using Arabic and also looked at the relationship of the Arabic language environment and student engagement in using Arabic in the classroom and outside the classroom. A total of 331 out of 2400 Form Four Government-Aided Religious School (SABK) students in Selangor were selected as the study sample. This quantitative study is through a survey method using a questionnaire instrument adapted and modified from previous researchers. Descriptive and inferential data analysis of this study using IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 23. The findings showed that the language environment among students is at a moderately high level ($mean = 3.87$, standard deviation = 0.50). Furthermore, the level of student engagement in using Arabic was at a moderately high level ($mean = 3.40$, standard deviation = 0.59). The Pearson correlation analysis showed that there was a significant relationship with positive strength between the language environment with the engagement of students using Arabic ($r=0.65$). The findings of this study explain that SABK students in Selangor have a language environment that helps students' involvement in learning Arabic even though it was found that they

do not practice the use of Arabic outside of teaching and learning. This study is important to the MOE to be able to design and plan activities that encourage the involvement of students in using Arabic in improving the mastery of Arabic language learning among students.

Keywords: Language environment; student engagement; student integration; Arabic Language; SABK (Government-Aided Religious School)

PENGENALAN

Kesan globalisasi menuntut banyak negara memasukkan bahasa asing sebagai bahasa elektif dalam kurikulum pendidikan bahasa mereka (Hayat Ameri & Faride Asareh 2010; Mohammed Nassim Negadi 2015; Pareeda et al. 2020). Umumnya mengetahui bahawa pembelajaran bahasa asing berbeza dengan bahasa kedua (Ali Akbar Jabari & Hemrah Salimi 2015). Bahasa asing atau bahasa ketiga (B3) secara umumnya tidak mempunyai kaitan dan hubungan persekitaran sosial atau individu setempat. Kebiasaan pemilihan untuk mempelajari bahasa asing atas faktor pemilihan dan minat sendiri. Isu pembelajaran bahasa asing dibelenggu permasalahan seperti kekurangan bahan material pembelajaran, kesesuaian buku teks, kekurangan kepakaran guru, persekitaran bahasa yang kurang kondusif dan lemah penguasaan kosa kata yang masih menggunakan metod nahu terjemahan (Azman & Goh 2010). Isu-isu yang dinyatakan ini merumuskan kepada kita bahawa proses pembelajaran dan penguasaan B3 memerlukan masa dan tempoh yang panjang, memerlukan banyak input dan interaksi serta persekitaran pembelajaran yang aktif (Blake 2008).

Dalam isu pembelajaran bahasa asing, kerap berlaku pelajar tiada mempunyai ruang untuk berkomunikasi (Ballman, Liskin, Gasparro & Mandell 2001) serta dibelenggu persekitaran bahasa yang terhad (Ng Xue Jing & Wan Muna Ruzanna 2019) dan pembelajaran tatabahasa untuk memahami fungsi bahasa pula kurang didedahkan (VanPatten & Benati 2015). Faktor-faktor ini menyebabkan keterlibatan pelajar dalam sesi komunikasi dalam kelas tidak dapat dioptimumkan akibat ruang komunikasi dan persekitaran bahasa yang terhad (Ryding 2013; Yasmine Kataw 2016). Menurut Che Mohd Zaid (2019) dan Wan Sakiah et al. (2014) kemahiran bahasa Arab didorong oleh pembelajaran yang aktif serta meningkatkan motivasi pelajar dalam menguasai kemahiran asas sesuatu bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penguasaan empat kemahiran asas bahasa Arab dapat melahirkan pelajar yang boleh menguasai bahasa Arab dengan berkesan dan dapat berkomunikasi dalam setiap situasi dengan yakin

(Siti Salwa 2012). Proses komunikasi dan interaksi dua hala yang wujud merangsang pelajar menguasai bahasa sasaran dengan lebih mudah dan berkesan. Ini sekaligus dapat mendorong pembelajaran kendiri pelajar dilatari dengan sokongan persekitaran pembelajaran bahasa yang jitu.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti tahap persekitaran bahasa dalam kalangan pelajar dan juga tahap keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab melalui dua aspek iaitu semasa di dalam kelas dan juga di luar kelas. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan yang wujud di antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu persekitaran pembelajaran bahasa Arab dan keterlibatan pelajar dalam menggunakan bahasa Arab. Kajian ini dijalankan agar dapat melihat peranan persekitaran pembelajaran bahasa Arab dalam meningkatkan penguasaan bahasa tambahan pelajar sejajar dengan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu pelajar dapat menguasai bahasa tambahan selain daripada bahasa Inggeris (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013).

KAJIAN LITERATUR

Sistem pendidikan di Malaysia telah memasukkan bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran yang dipelajari secara formal oleh pelajar seawal peringkat sekolah rendah sehingga peringkat sekolah menengah. Malahan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengangkat bahasa Arab dalam kurikulum kebangsaan di Malaysia bermula dari peringkat sekolah kebangsaan melalui Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) sehingga ke peringkat sekolah menengah melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan juga Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Bahasa Arab dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran bahasa asing di sekolah sama seperti bahasa Cina, bahasa Tamil dan lain-lain.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah meneroka satu peluang kepada pelajar untuk mempelajari bahasa asing sebagai salah

satu usaha mentransformasikan sistem pendidikan negara kearah yang lebih tinggi dalam melebarkan penguasaan bahasa tambahan dalam kalangan pelajar. Justeru, PPPM 2013-2025 bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai nilai tambah dengan berkebolehan berbahasa Arab sebagai satu bahasa asing selain daripada menguasai bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Tambahan pula, bahasa Arab merupakan bahasa rasmi dan dianggap sebagai bahasa istimewa bagi orang muslim yang merupakan penduduk majoriti di Malaysia (Kamarul Shukri & Mohamed Amin 2009).

Pendidikan bahasa Arab di Malaysia berkembang dengan rancak dan mengalami perkembangan dan perubahan mengikut kesesuaian semasa agar pelajar dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik (Mohd Yusri 2019). Di samping itu, pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing memerlukan sokongan persekitaran bahasa yang baik agar dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa tersebut. Malah, persekitaran bahasa membantu untuk mendorong perkembangan bahasa Arab seseorang pelajar dan sekali gus meningkatkan prestasi pencapaian dan kejayaan mereka dalam menguasai bahasa Arab dengan lebih baik.

Menurut Fraser et al. (2012) persekitaran pembelajaran yang kondusif dapat meningkatkan penguasaan hasil pencapaian seseorang pelajar. Malah, kajian lepas mendapati pelajar lebih menghayati proses pengajaran dan pembelajaran apabila wujud suasana persekitaran pembelajaran yang mempunyai interaksi aktif antara guru dan pelajar secara konsisten dan tidak berpuak-puak (Aldridge, Fraser & Huang 1999). Di samping itu, persekitaran pembelajaran mempunyai elemen yang dapat merangsang penglibatan pelajar untuk terlibat secara aktif semasa proses pembelajaran berlangsung dan sekali gus membentuk tingkah laku serta kemahiran kognitif mereka (Che Nizam et al. 2013). Oleh itu persekitaran pembelajaran bahasa yang baik dapat menggalakkan aktiviti-aktiviti berbahasa Arab dalam kalangan pelajar dan seterusnya menambahkan keyakinan mereka untuk menggunakan bahasa tersebut.

Persekitaran pembelajaran bahasa terdiri daripada aspek psikososial dan pedagogikal yang memberi kesan terhadap perkembangan pelajar (Aldridge et al. 1999). Malahan, menurut Chionh dan Fraser (2009) pengurusan perancangan dan perlaksanaan persekitaran pembelajaran bahasa asing memberi impak terhadap pembelajaran kendiri pelajar. Peranan persekitaran pembelajaran bahasa

asing yang kondusif mempengaruhi pelajar secara positif dalam pemerolehan bahasa sasaran (Irwan Fariza 2019) melalui aktiviti pengulangan sehari-hari dalam persekitaran yang kondusif membantu menggalakkan ransangan berbahasa.

PERSEKITARAN PEMBELAJARAN BAHASA

Teori Sistem Ekologikal yang diasaskan oleh Bronfenbrenner (1992) telah menghuraikan mengenai persekitaran pembelajaran dalam mempengaruhi perkembangan tingkah laku seseorang individu. Teori Sistem Ekologikal menghuraikan tentang sistem budaya persekitaran yang mempengaruhi disiplin psikologi seseorang individu. Hubungan timbal balas yang wujud antara tingkah laku seseorang individu dan persekitaran ekologi budaya sesebuah masyarakat setempat mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dan sekaligus mewujudkan interaksi yang dinamik dan berterusan (Urie Bronfenbrenner 2013) melalui interaksi persekitaran dan juga organisme. Oleh yang demikian itu, berdasarkan teori sistem ekologi Bronfenbrenner (1992) jelas menunjukkan bahawa kewujudan pengaruh persekitaran terhadap perkembangan tingkah laku seseorang individu adalah tidak dapat disangkal lagi. Faktor persekitaran yang terdiri daripada elemen psikososial dan fizikal mempengaruhi individu sama ada secara langsung atau tidak (Fraser 1998; Pramathevan & Fraser 2019). Malahan, persekitaran pembelajaran bahasa asing mempengaruhi seseorang pelajar menguasai bahasa sasaran tersebut.

Persekitaran pembelajaran bahasa melatari pencapaian pelajar dalam sesuatu bahasa sasaran (Kamarulzaman et al. 2018). Model Pengajaran dan Pembelajaran Dunkin dan Biddle (1974) mendasari pembelajaran dengan persekitaran yang mempengaruhi sikap pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dan sekaligus meninggalkan kesan yang dapat dilihat melalui pencapaian pelajar. Oleh yang demikian itu, persekitaran pembelajaran bahasa mempengaruhi pemerolehan bahasa sasaran (Tamam Hasan 1984) yang meliputi interaksi antara pelajar dan guru, kandungan pengajaran dan pelajaran serta keadaan suasana di dalam dan di luar kelas (Aldridge et al. 1999; H. Douglas Brown 2000). Elemen-elemen yang melengkapi persekitaran pembelajaran bahasa merangsang penglibatan pelajar dan sekaligus pelajar dapat merasai pengalaman persekitaran pembelajaran bahasa sasaran yang dibentuk menyerupai persekitaran bahasa sebenar.

Pengalaman yang dilalui oleh setiap individu merupakan sokongan persekitaran yang mempengaruhi perkembangan individu tersebut (Irwan Fariza 2020). Malahan, perbezaan sokongan persekitaran pembelajaran bahasa bagi setiap individu adalah berbeza (Kamarulzaman et al. 2018; Nor Suhaila Abdul 2019; Skordi & Fraser 2019) dan dapat dijadikan rujukan dan pengajaran di masa hadapan (Seri Bunian 2012). Justeru, persekitaran pembelajaran bahasa terutamanya bahasa Arab selaku bahasa asing dalam kurikulum di Malaysia (Bahagian Pendidikan Islam 2015) mendominasi faktor penguasaan bahasa tersebut terhadap seseorang individu.

Menurut Ida Latifatul dan Rahmat (2020) serta Mohammad Makinuddin (2016) persekitaran bahasa atau dipanggil sebagai *biah lughawiyah* berperanan besar dalam pembentukan pelajar bahasa Arab yang baik. Malah, elemen persekitaran bahasa dari sudut keluarga, guru dan rakan sekolah merupakan sokongan psikososial yang membentuk perkembangan bahasa Arab seseorang pelajar secara positif dan harmoni (Che Mohd Zaid 2019; Ng Xue Jing & Wan Muna Ruzanna 2019). Perkembangan positif bahasa Arab seseorang pelajar dilatari dengan persekitaran bahasa yang holistik dan dapat menggunakan bahasa tersebut secara praktikal dalam pelbagai situasi yang berbeza (Nurwaina & Zawawi 2019; Zunita & Harun 2020) tidak dapat dipisahkan (Mohammad Makinuddin 2016).

Elemen persekitaran psikososial yang terdapat dalam persekitaran pembelajaran bahasa merupakan satu aspek yang menghubungkan psikologi dan emosi pelajar dan saling mempunyai hubungan yang aktif antara satu sama lain. Hasil hubungan aktif yang wujud antara keduanya menggalakkan perkembangan dan penguasaan bahasa Arab dalam diri pelajar (Yasmine Kataw 2016). Malahan, Pramathevan dan Fraser (2019) menyatakan bahawa persekitaran bahasa meninggalkan kesan positif terhadap pencapaian pelajar dan juga pengalaman kognitif mereka. Persekitaran bahasa mempengaruhi dalam pembelajaran bahasa Arab melalui sokongan persekitaran tiruan yang menyerupai persekitaran sebenar bagi penutur bukan Arab.

KETERLIBATAN PELAJAR

Keterlibatan pelajar dalam mencapai matlamat penguasaan bahasa sasaran adalah penting dalam pemerolehan bahasa asing. Penglibatan pelajar sama ada secara formal semasa pembelajaran di dalam

kelas mahu pun secara tidak formal adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Malahan, penglibatan pelajar menggunakan bahasa asing melalui persekitaran tiruan adalah saling berkaitan dan mempunyai hubungan timbal balas yang jitu dalam pembelajaran secara formal. Walaubagaimanapun, penglibatan pelajar secara tidak formal di luar kelas melalui aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak sekolah merangsang pemerolehan bahasa asing berlaku secara tidak langsung (Irwan Fariza 2020).

Teori Keterlibatan Astin (1984) mendefinisikan keterlibatan sebagai: "*students involvement refers to the amount of physical and psychological energy that the student devotes to the academic experiences*" Ini menjelaskan bahawa penglibatan pelajar yang menggunakan fizikal dan psikososial untuk memperoleh pengalaman belajar akan memberikan faedah dan manfaat kepada pelajar yang melibatkan diri mereka berbanding pelajar yang sebaliknya. Maka penglibatan pelajar ini sekaligus dapat memberikan pengalaman merasai aktiviti yang spesifik untuk merangsang perkembangan mereka.

Lima elemen yang terdapat dalam Teori Keterlibatan Astin (1984) menentukan penglibatan pelajar dalam sesuatu aktiviti agar dapat menguasai kemahiran yang disasarkan (Nor Yuzie 2014). Elemen yang pertama adalah penglibatan dalam aktiviti berbahasa Arab yang memerlukan aktiviti fizikal dan juga psikososial pelajar. Elemen yang kedua pula menyatakan bahawa penglibatan dalam aktiviti bahasa Arab haruslah wujud sepanjang masa secara berterusan tanpa had waktu. Elemen yang ketiga adalah ktiviti bahasa Arab dapat diukur melalui pemerhatian mahu pun tinjauan. Elemen keempat, penglibatan aktiviti bahasa Arab mempunyai kaitan dan hubungan rapat yang jitu dengan aspek pendidikan dan tidak dapat dipisahkan. Manakala elemen yang kelima, polisi dan amalan dalam sistem pendidikan menyokong dan mendukung penglibatan pelajar menggunakan bahasa Arab.

Kelima-lima elemen penglibatan menentukan peranan seseorang pelajar dalam perkembangan kendiri bahasa Arab serta mempunyai kaitan dengan tingkah laku pelajar juga. Oleh yang demikian, kesediaan pelajar untuk berubah kepada kearah yang lebih positif dapat mempertingkatkan tingkah laku mereka. Inilah yang ditekankan dalam Teori Keterlibatan Astin (1984) iaitu penggabungan antara aktiviti fizikal dan psikososial dalam melaksanakan aktiviti spesifik yang terancang. Penyeimbangan

antara emosi dan fizikal merangsang dan sekaligus menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang menggunakan bahasa Arab (Wardatul Aishah, Nooraini 2016; Zunita & Harun 2020).

Melalui Teori Keterlibatan Astin (1984), dapat disimpulkan bahawa guru merupakan tonggak utama dalam merangsang penglibatan pelajar menggunakan bahasa Arab semaksimumnya. Rangsangan yang dilakukan oleh guru dalam merangsang penglibatan pelajar melalui pendekatan strategi motivasi (Irwan Fariza 2020) dan peneguhan yang berterusan akan menggalakkan keterlibatan pelajar dalam aktiviti berbahasa Arab. Rangsangan dan motivasi yang baik mampu untuk mengurangkan tahap kebimbangan pelajar bahasa asing terutama dalam komunikasi. Faktor-faktor yang melibatkan keagamaan seperti kebimbangan dilihat sebagai menunjuk-nunjuk, halangan budaya antara pelajar lelaki (Jafar, Rosniah & Noorizah 2018) sangat dominan dalam pelajar bahasa Asing terutama bahasa Arab. Skop penglibatan pelajar dalam berbahasa Arab adalah melalui dimensi yang luas iaitu semasa di dalam bilik darjah mahu pun ketika di luar bilik darjah.

Keterlibatan pelajar yang aktif terhadap pengajaran guru melalui galakan membuat keputusan dan meraikan pandangan mereka semasa pembelajaran akan memberikan kesan yang positif sekaligus membentuk sahsiah dan kemenjadian pelajar. Keterlibatan pelajar yang aktif dan positif ini sekaligus akan membentuk satu sistem pendidikan yang lebih bermakna dan berkesan kepada para pelajar. Malahan, pelajar akan menyedari bahawa mereka berperanan dalam mempengaruhi pembelajaran dan penglibatan rakan yang lain. Oleh itu, pembentukan sahsiah pelajar akan lebih lengkap dan sempurna bertepatan dengan konsep teori yang dikemukakan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan keratan rentas. Secara spesifik kajian ini memberi tumpuan kepada persekitaran bahasa dalam kalangan pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) serta hubungannya dengan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Pemilihan penggunaan borang soal selidik digunakan dalam kajian ini bagi meninjau mendapatkan maklumat data yang berkesan (Kerlinger 1973) serta meminimumkan penggunaan masa ketika mengumpul data. Populasi kajian ini melibatkan

seramai 2400 pelajar bahasa Arab tingkatan empat Sekolah Agama Menengah di negeri Selangor yang mana terdapat sembilan buah daerah yang terlibat iaitu daerah Klang, daerah Kuala Selangor, daerah Kuala Langat, daerah Hulu Langat, daerah Hulu Selangor, daerah Sabak Bernam, daerah Gombak, daerah Petaling Perdana dan daerah Sepang.

Selepas mengenal pasti populasi kajian, seterusnya pemilihan sampel dijalankan. Pemilihan sampel bertujuan mewakili populasi untuk memberi gambaran tentang fenomena yang dikaji (Wallen & Fraenkel 2006). Jumlah sampel yang dikehendaki adalah merujuk kepada jadual Krejcie & Morgan (1970) iaitu 331 orang. Dalam konteks kajian ini, kaedah pensampelan menggunakan pensampelan rawak strata berkadar digunakan dalam menentukan pemilihan responden. Pensampelan rawak strata berkadar bersesuaian digunakan dalam kajian ini kerana pecahan populasi antara sub kumpulan tidak seimbang dan sama. Oleh itu, peratusan bilangan sampel bagi setiap daerah di Negeri Selangor diperolehi dengan membahagikan jumlah sampel setiap daerah kepada jumlah keseluruhan populasi. Setelah itu, saiz sampel bagi setiap daerah di Negeri Selangor diperolehi dengan mendarab peratus sampel dengan jumlah sampel yang dikehendaki.

Responden kajian terbesar adalah dari daerah Sabak Bernam iaitu seramai 70 orang pelajar yang mewakili 21% daripada saiz sampel kajian. Ini diikuti oleh daerah Klang dengan sampel kajian seramai 50 orang pelajar iaitu 15% daripada saiz sampel kajian. Responden dari daerah Gombak, Sepang dan Kuala Langat mempunyai peratusan responden yang sama iaitu sebanyak 11% daripada saiz sampel kajian yang mewakili seramai 36 orang pelajar bagi setiap daerah. Manakala, daerah Petaling Perdana dan Kuala Selangor diwakili responden kajian seramai 33 orang pelajar iaitu 10% daripada 331 sampel kajian. Selain itu, responden dari daerah Hulu Selangor pula berjumlah 20 orang iaitu 6% daripada saiz sampel kajian. Responden kajian yang terkecil jumlahnya adalah daripada daerah Hulu Langat iaitu hanya seramai 17 orang pelajar yang mewakili 5% daripada saiz sampel kajian.

Data kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23 bagi menganalisis data secara deskriptif dan inferensi agar menjawab persoalan kajian dengan tepat dan mudah difahami dengan memerihalkan nilai min serta sisihan piawai bagi melihat tahap persekitaran pembelajaran bahasa

Arab dan tahap keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab semasa di dalam kelas mahu pun di luar kelas. Manakala bagi analisis inferensi pula, memerihalkan nilai pekali r bagi menentukan arah dan kekuatan hubungan yang wujud antara kedua-dua pemboleh ubah kajian ini.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini mengadaptasi dan mengubah suai instrumen kajian Fraser (1998) yang bertajuk *What Is Happening In This Class* (WIHIC) dan kajian Lily Hanefarezan (2019) agar bersetujuan dengan skop kajian. Skala pengukuran bagi instrumen ini adalah menggunakan skala Likert lima mata dengan menetapkan skala ekstrim di bahagian

hujung kedua-dua hala iaitu skala 1 (sangat tidak kerap) dan skala 5 (sangat kerap). Menurut Rungson Chomeya (2010) kelebihan penggunaan lima mata skala Likert adalah menyenangkan dan memudahkan responden menjawab setiap item yang ada di dalam borang soal selidik dan meningkatkan kebolehpercayaan diterima berdasarkan ketetapan yang telah ditetapkan.

Kesahan kandungan soal selidik kajian ini telah melibatkan empat orang pakar bidang dan merujuk Jadual 1 instrumen kajian telah memperolehi nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi konstruk persekitaran pembelajaran bahasa Arab sebanyak 0.942 manakala bagi konstruk keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab adalah sebanyak 0.906.

JADUAL 1. Nilai Indeks Kebolehpercayaan Soal Selidik

Konstruk	Bilangan Item	Nilai Cronbach Alpha
Persekitaran pembelajaran bahasa Arab (<i>Bi'ah lughawiyah</i>)	47	0.942
Keterlibatan bahasa Arab pelajar	14	0.906

Bagi menghuraikan analisis deskriptif, nilai interpretasi tahap persekitaran bahasa adalah merujuk kepada Nunally (1978) seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Interpretasi Skor Min Tahap (Nunally 1978)

Julat Skala	Interpretasi Skor Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Manakala, bagi menentukan kekuatan hubungan, anggaran kekuatan berdasarkan pemeringkatan nilai pekali korelasi r ($r = -1$ hingga $+1$) digunakan oleh Davis 1971. Bagi nilai skor min kurang daripada 0.09 kekuatan hubungan adalah sangat lemah, nilai skor min 0.10 hingga 0.29 menunjukkan kekuatan hubungan lemah, nilai skor min 0.30 hingga 0.49 menunjukkan kekuatan hubungan sederhana, nilai skor min 0.50 hingga 0.69 menunjukkan kekuatan hubungan kuat dan nilai skor min melebihi 0.70 kekuatan hubungan adalah sangat kuat.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian tinjauan adalah berdasarkan dua objektif kajian yang telah dibina dan ditetapkan. Analisis dapatan kajian berdasarkan nilai skor min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap persekitaran pembelajaran bahasa Arab dan tahap keterlibatan pelajar dalam menggunakan bahasa Arab.

PERSEKITARAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Dapatan analisis deskriptif mengenai tahap persekitaran pembelajaran bahasa Arab adalah berdasarkan Jadual 4 dan Jadual 5 yang memerihalkan data menggunakan nilai min dan sisihan piawai bagi tahap persekitaran pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan tahap keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab. Persekitaran pembelajaran bahasa Arab mempunyai enam dimensi iaitu kesepaduan pelajar, sokongan guru, penglibatan pelajar, sikap pelajar berorientasikan tugas, kerjasama antara pelajar dan juga layanan adil guru.

JADUAL 4. Tahap Persekutaran Pembelajaran Bahasa Arab

Konstruk / Subkonstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
Kesepadan Pelajar	4.157	0.671	Tinggi
Sokongan Guru	3.865	0.641	Sederhana Tinggi
Penglibatan Pelajar	3.447	0.580	Sederhana Tinggi
Sikap Pelajar Berorientasikan Tugasan	3.783	0.646	Sederhana Tinggi
Kerjasama Antara Pelajar	3.520	0.587	Sederhana Tinggi
Layanan Adil Guru	3.834	0.573	Sederhana Tinggi
Keseluruhan Persekutaran Pembelajaran Bahasa Arab	3.759	0.423	Sederhana Tinggi

Secara keseluruhannya, skor min bagi tahap persekitaran pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana tinggi (min = 3.759, SP = 0.423). Walau bagaimanapun, merujuk Jadual 3 perincian nilai min enam dimensi bagi persekitaran pembelajaran bahasa Arab menunjukkan bahawa dimensi kesepadan pelajar berada pada tahap yang paling tinggi (min = 4.157, SP = 0.671). Manakala, dimensi penglibatan pelajar menunjukkan nilai min yang terendah dalam konstruk persekitaran pembelajaran bahasa Arab (min = 3.447, SP = 0.580). Walau bagaimanapun, elemen-elemen yang lain berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatkan ini membuktikan secara jelas bahawa pelajar-pelajar

SABK di Selangor terdedah dengan persekitaran bahasa Arab yang membantu pembelajaran bahasa mereka.

KETERLIBATAN PELAJAR

Jadual 4 menunjukkan dapatan analisis deskriptif secara tinjauan bagi mengenal pasti tahap keterlibatan pelajar dalam menggunakan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Dapatkan bagi keterlibatan pelajar dalam menggunakan bahasa Arab di nilai melalui dua dimensi iaitu di dalam kelas dan juga di luar kelas. Dua dimensi keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab sama ada di dalam kelas dan juga di luar kelas diperincikan dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Tahap Keterlibatan Pelajar Menggunakan Bahasa Arab

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
Keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab di dalam kelas	3.336	0.393	Sederhana Tinggi
Keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab di luar kelas	2.993	0.638	Sederhana Rendah
Keseluruhan keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab	3.164	0.407	Sederhana Tinggi

Secara keseluruhannya, skor min bagi konstruk keterlibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana tinggi (min = 3.164, SP = 0.407). Nilai min bagi dimensi keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab ketika di dalam kelas berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.336, SP = 0.393). Manakala nilai min bagi dimensi keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab ketika di luar bilik darjah adalah di tahap sederhana rendah (min = 2.993, SP = 0.638). Dapatkan ini sekaligus membuktikan bahawa pelajar SABK di Selangor kurang mempraktikkan penggunaan

bahasa Arab ketika di luar waktu pengajaran dan pembelajaran berlangsung berbanding ketika berada di dalam pembelajaran kelas bahasa Arab. Wujud jurang perbezaan yang jelas dan ketara di antara kedua-dua dimensi keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab.

Ujian korelasi Pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan persekitaran pembelajaran bahasa Arab iaitu persekitaran bahasa dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Hasil ujian korelasi Pearson tersebut seperti Jadual 6 berikut.

JADUAL 6. Korelasi Pearson Hubungan Persekutaran Pembelajaran Bahasa Arab dan Keterlibatan Pelajar dalam Pembelajaran bahasa Arab

Hubungan	Keterlibatan Pelajar		Interpretasi
	r	Sig.	
Persekutaran Pembelajaran Bahasa Arab	0.372	0.001	Sederhana

Jadual 6 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan persekitaran pembelajaran bahasa Arab iaitu persekitaran bahasa dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab dengan nilai $r = 0.372$ ($p < 0.05$). Kekuatan hubungan ialah positif sederhana yang bermakna persekitaran pembelajaran bahasa Arab mempunyai kaitan yang signifikan dengan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Ini menunjukkan hipotesis nol (H_0) adalah ditolak.

PERBINCANGAN

Subkonstruk yang memainkan peranan tinggi dalam persekitaran pembelajaran bahasa Arab kajian ini adalah komponen kesepaduan pelajar. Kompenen ini bertepatan dengan pandangan Che Mohd Zaid (2019) yang menyatakan penguasaan bahasa asing dipengaruhi elemen kesepaduan dalam pelajar, sokongan padu daripada guru dan kerjasama yang berlaku dalam kalangan guru dan pelajar yang membentuk persekitaran pembelajaran bahasa pelajar. Malah Dunkin dan Biddle (1974) juga turut mengakui perkara ini dengan menyifatkan pelajar yang fokus dalam tugas pembelajaran cenderung menguasai pembelajaran bahasa asing.

Persekutuan bahasa melalui kesepaduan pelajar bermaksud pembentukan pengetahuan pelajar menyokong keperluan pembelajaran dalam bilik darjah (Seng & Fraser 2008). Sokongan interpersonal dalam pembelajaran dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang mempunyai rasa keterkaitan dan kapaduan dengan pelajar lain secara sosial dan berusaha melaksanakan tugas pembelajaran meningkatkan pencapaian akademik khususnya dalam pembelajaran bahasa (Chua et al. 2011). Malahan, menurut Aldridge et al. (1999) dan Okan (2008) perasaan kekitaan dalam pembelajaran meningkatkan pencapaian akademik pelajar melalui perkongsian maklumat pembelajaran sesama mereka. Peningkatan pencapaian akademik melalui interaksi sosial dua hala yang aktif menjadikan pembelajaran lebih kreatif dan menarik minat pelajar.

Begitu juga dengan pandangan Ida Latifatul dan Rahmat (2020) yang menjelaskan bahawa layanan adil guru memberi kesan kepada peningkatan komunikasi pelajar di mana mereka lebih berkeyakinan dan bersemangat dalam berkomunikasi dalam bahasa Arab. Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian ini yang membuktikan bahawa guru menyumbang dalam mewujudkan persekitaran

pembelajaran bahasa Arab yang kondusif agar dapat dimanfaatkan oleh pelajar dalam menguasai sesuatu bahasa. Guru memainkan peranan yang positif dalam menyokong penglibatan pelajar mewujudkan suasana pembelajaran bahasa yang harmoni. Justeru, perkembangan bahasa seseorang pelajar dilatari oleh persekitaran pembelajaran yang mendorong pemerolehan bahasa sasaran yang dikehendaki.

Teori pembelajaran Behaviourisme menekankan kepada peneguhan positif seperti pujian, galakan dan respons maklum balas yang positif (Zamri 2007) dalam persekitaran pembelajaran merupakan faktor penyebab yang merangsang pembelajaran berlaku. Malahan, guru berperanan dalam mewujudkan rangsangan pembelajaran dan tindak balas secara lisan ('Aini Nafi'ah 2019; Asmah 1992) dan sekali gus meningkatkan motivasi dan sikap pelajar dalam mempelajari bahasa sasaran terutamanya bahasa asing. Kepelbagai pendekatan dan teknik pembelajaran oleh guru dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang memberangsangkan memerlukan usaha dan perancangan yang rapi (Rosni & Mohd Fauzi 2013) yang akan memberi peneguhan yang positif dan memberangsangkan. Ini penting dalam menentukan pembentukan sesuatu tingkah laku yang dikehendaki melalui sokongan persekitaran pembelajaran.

Justeru, persekitaran pembelajaran bahasa terutamanya bahasa Arab sebagai bahasa asing dalam sistem pendidikan di Malaysia merupakan satu aspek penting dalam memperkuatkkan penguasaan bahasa tersebut. Kepentingan ini selari dengan pandangan Nor Suhaila dan Siti Mistima (2019) yang menyatakan bahawa gabungan kelima-lima dimensi dalam aspek persekitaran pembelajaran bahasa akan meningkatkan penguasaan bahasa secara optimum. Persekutaran pembelajaran yang harmoni dan kondusif menggalakkan perkembangan intelektual seseorang pelajar (Fathin 2016) terutamanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berlangsung. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran menyumbang kepada hasil pencapaian pelajar yang dikehendaki (Che Nidzam 2011; Wan Sakiah 2016). Bahkan persekitaran pembelajaran yang positif dapat memainkan peranan dalam meningkatkan minat dan sikap seseorang pelajar terhadap pembelajaran yang dipelajarinya. Dapatan analisis deskriptif kajian membuktikan bahawa dimensi kesepaduan pelajar dan juga sokongan guru membentuk persekitaran pembelajaran bahasa yang kuat berbanding dimensi yang lain.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa penglibatan pelajar dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran bahasa Arab kurang dipraktikkan. Kekangan ini berkemungkinan kerana bilangan pelajar yang agak padat di dalam sesebuah kelas menyukarkan pelajar melibatkan diri secara aktif dan menatijahkan aktiviti pelajar berbahasa Arab semasa proses pengajaran dan pembelajaran kurang memberangsangkan. Tambahan pula, aktiviti bahasa di dalam kelas yang dijalankan kurang menarik perhatian pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Penglibatan pelajar perlu disokong dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik. Ini bertepatan dengan pandangan oleh Mohamad Ziyad dan Saini Ag. (2017) yang berpandangan bahawa persekitaran pembelajaran bahasa Arab yang kondusif dapat meningkatkan penglibatan pelajar secara aktif dalam melontarkan perbualan sehari-hari menggunakan bahasa Arab.

Sikap negatif sesetengah pelajar yang mudah berputus asa dan malu dengan kelemahan diri juga mengakibatkan mereka hilang keyakinan diri dan berasa rendah diri untuk melibatkan diri dengan aktiviti pengajaran terutama yang melibatkan komunikasi (Ghazali, Nik Mohd Rahimi & Parilah, 2010). Tahap penggunaan Bahasa Arab yang rendah dalam kalangan pelajar juga kerap dikaitkan dengan masalah dalaman ini iaitu kurang keyakinan diri apabila pelajar takut dan malu melakukan kesalahan, rasa rendah diri, kurang bersemangat dan takut ditertawakan oleh rakan Pelajar akan menjadi kurang motivasi, keyakinan diri dan perasaan malu untuk bertutur dalam bahasa asing, pelajar menjadi kurang berinisiatif untuk mempelbagaikan strategi komunikasi. Kelemahan pelajar terhadap penguasaan kemahiran bertutur ini berpunca daripada kurangnya amalan berbahasa Arab untuk dijadikan salah satu medium berkomunikasi di kalangan pelajar. Untuk mewujudkan suasana pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar, pelajar perlu didedahkan dengan persekitaran yang berteraskan kepada suasana bahasa Arab yang sebenar (Kamaruddin 1997).

Malahan, dapatan bagi tahap keterlibatan pelajar dalam menggunakan bahasa Arab melalui aspek di dalam dan juga di luar kelas membuktikan bahawa pelajar kurang melibatkan diri dalam penggunaan bahasa Arab semasa di luar kelas. Terdapat perbezaan di antara keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab sama ada didalam mahupun di luar kelas. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pelajar lebih selesa bertutur dengan menggunakan bahasa Arab semasa berada di dalam kelas kerana mendapat

sokongan dan interaksi daripada guru khususnya. Oleh itu, penekanan harus dilakukan agar dapat meningkatkan keterlibatan pelajar dalam berbahasa Arab dengan lebih optimum. Perhatian yang sewajarnya harus dilihat dalam memaksimumkan keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab di luar kelas agar dapat berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan lancar dan fasih. Hal ini disokong oleh Hanefarezan et al. (2020) dan Chionh & Fraser (2009) yang menyatakan bahawa keterlibatan pelajar penting dalam proses pembelajaran bahasa dan meningkatkan pembelajaran kendiri pelajar.

Keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab di dalam kelas memberikan ruang dan peluang bagi pelajar mempraktikkan bahasa asing dengan lebih yakin agar dapat menguasai bahasa sasaran tersebut (Zunita & Harun 2020). Penguasaan bahasa Arab dapat diterapkan melalui keterlibatan pelajar menggunakan bahasa tersebut semaksimumnya. Kesedaran pelajar untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam penggunaan bahasa Arab harus ditingkatkan. Justeru itu, keterlibatan pelajar secara aktif dalam menggunakan bahasa Arab sama ada di dalam kelas mahupun luar kelas akan mengukuhkan penguasaan dan sekaligus perkembangan bahasa Arab seseorang pelajar. Keterlibatan aktif pelajar mengikut pandangan Irwan Fariza (2020) adalah melalui ransangan positif guru serta rakan sebaya dalam meningkatkan keterlibatan pelajar berkomunikasi menggunakan bahasa Arab secara progresif sekaligus meningkatkan kemahiran interpersonal pelajar.

Mohd Khairuddin et al. (2014) pula dalam kajiannya menunjukkan antara halangan komunikasi antara guru dan murid yang menimbulkan suasana pembelajaran yang tidak menyeronokkan disebabkan beberapa faktor. Antaranya adalah pengajaran guru yang membosankan, guru bertutur dengan laju, guru yang bersifat tidak mesra, guru tidak senyum dan guru yang terlalu banyak menyioal. Selain itu, beberapa faktor lain ialah seperti guru banyak menggunakan bahasa sindirin yang melampau, memerli, menghina murid, bersikap sompong, mengkritik murid serta mengejek rupa paras atau latar belakang murid. Dari sudut lain pula, kejayaan atau kegagalan murid dalam kelas bahasa asing ditentukan oleh tahap kebimbangan murid terhadap keberhasilan yang dicapai dalam kelas bahasa asing (Horwitz, Horwitz & Cope, 1986). Banyak teori psikologi berkaitan pembelajaran bahasa kedua dikaji dan dibincangkan oleh para penyelidik dari dalam mahupun luar negara. Salah satu aspek yang

paling penting dalam pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan psikologi adalah kebimbangan bahasa (Mohd Hasrul, Noraniza, Melor & Noriah 2013).

Berdasarkan hasil dapatan kajian tinjauan ini membuktikan secara zahirnya persekitaran pembelajaran bahasa Arab dan juga keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab berada pada tahap yang memuaskan. Oleh itu, masih terdapat elemen persekitaran pembelajaran bahasa yang perlu ditambah baik dan diberi penekanan sewajarnya agar dapat memaksimumkan peranan persekitaran pembelajaran dalam pembelajaran bahasa khususnya bahasa Arab. Peranan persekitaran pembelajaran bahasa penting (Pramathevan & Fraser 2019) terhadap perkembangan bahasa Arab seseorang individu (Ida Latifatul & Rahmat 2020). Ini selari dengan pandangan Yasmine Kataw (2016) yang berpendapat bahawa peranan persekitaran pembelajaran bahasa tidak dapat dipisahkan dengan penglibatan pelajar mempraktikkan bahasa tersebut secara aktif dalam kehidupan seharian. Persekitaran pembelajaran bahasa yang selesa dapat menyatu padukan pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan budaya dalam menguasai sesuatu bahasa sasaran secara keseluruhannya.

Hasil ujian korelasi Pearson yang dijalankan membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran pembelajaran bahasa Arab dengan keterlibatan pelajar dalam menggunakan bahasa Arab. Hubungan yang wujud di antara kedua pemboleh ubah ini berada pada tahap yang sederhana. Hubungan positif sederhana signifikan dalam membuktikan kewujudan persekitaran pembelajaran bahasa Arab penting dalam meningkatkan keterlibatan pelajar sama ada di dalam kelas mahu pun di luar kelas. Dapatkan kajian ini selari dengan pandangan daripada Zunita dan Harun (2020) yang menyatakan bahawa rangsangan yang wujud daripada persekitaran pembelajaran bahasa Arab akan sekaligus menggalakkan keterlibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang menggunakan bahasa Arab. Bahkan persekitaran bahasa seperti keperluan dan tuntutan kurikulum didapati menjadi motivasi utama bagi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab (Ashinida 2017).

Oleh yang demikian itu, dapat disimpulkan bahawa pelajar SABK di Selangor mempunyai persekitaran pembelajaran bahasa Arab yang kondusif sehingga para pelajar dapat melibatkan

diri mereka dalam menggunakan bahasa Arab. Irwan Fariza et.al.(2018) juga berpendangan bahawa pelajar yang dikelilingi dengan persekitaran pembelajaran yang baik dan selesa akan menunjukkan pencapaian yang baik dan sekaligus meningkatkan prestasi mereka sebagai seorang pelajar yang cemerlang. Begitu juga Pramathevan dan Fraser (2019) yang berpendapat bahawa penglibatan pelajar yang aktif dapat meningkatkan perkembangan intelektual seseorang pelajar secara tidak langsung. Aspek yang meliputi persekitaran pembelajaran bahasa penting dalam merealisasikan pengukuhan bahasa tambahan terutamanya bahasa asing. Justeru itu, guru dan pihak sekolah harus mengoptimumkan pembudayaan bahasa sasaran agar dapat menggalakkan pelajar menggunakan bahasa tersebut. Galakan dan dorongan yang berterusan mampu meningkatkan penglibatan pelajar berbahasa Arab dalam apa jua situasi sekaligus dapat merealisasikan matlamat KPM yang berhasrat melahirkan pelajar berbilang bahasa.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati tahap persekitaran pembelajaran bahasa Arab dan keterlibatan pelajar tingkatan empat jurusan bahasa Arab di SABK daerah Selangor berada pada tahap yang sederhana. Walaubagaimanapun, keterlibatan pelajar menggunakan bahasa Arab di luar kelas berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, kepelbagaiannya aktiviti perlu dilaksanakan di luar bilik darjah agar merancakkan penglibatan pelajar dan sekaligus dapat meningkatkan kerjasama antara pelajar. Penglibatan pelajar yang aktif dapat meningkatkan penguasaan bahasa Arab para pelajar dengan lebih baik dan berkesan. Malah, persekitaran pembelajaran bahasa yang kondusif juga dapat dilihat melalui sokongan guru dan kerjasama yang jitu antara pelajar dalam menguasai sesuatu bahasa. Kesemua aspek dalam persekitaran pembelajaran bahasa haruslah diberi penekanan agar dapat memberikan impak yang positif dalam penguasaan dan perkembangan sesuatu bahasa asing khususnya bahasa Arab.

RUJUKAN

- Aldridge, J.M., Fraser, B.J. & Huang, T.C.I. 1999. Investigating classroom environments in Taiwan and Australia with multiple research methods. *Journal of Educational Research* 93(1):48-62.

- Ali Akbar Jabbari & Hemrah Salimi. 2015. L3 Acquisition of simple and present progressive tenses by Iranian EFL learners. *SAGE Open*, 1-9. <http://doi.org/10.1177/2158244015615163>
- Ashinida Aladdin. 2017. Mixed-Method approach on motivational orientations of learning Arabic as a foreign language in Malaysia, *Akademika* 87(10): 291-301
- Asmah Omar. 1992. *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Astin, A.W. 1984. Student involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Development* 40: 518-529.
- Azman Che Mat, & Goh, Ying Soon. 2010. *Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi : perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis*. AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 2 (2): 9-21.
- Bahagian Pendidikan Islam. 2015. Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini. *Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Ballman, T., & Liskin-Gasparro, J. & Mandell. 2001. *The Communicative Classroom*. Boston: Heinle & Heinle/Thomson Learning.
- Blake, R. J. 2008. *Brave New Digital Classrooms: Technology and Foreign Language Learning*, Washington, DC: Georgetown University Press.
- Bronfenbrenner, U. 1992. Ecology systems theory. Dlm. R. Vasta (pnyt). *Six Theories of Child Development: Revised Formulations and Current Issues* hlm. 187-249. London: Jessica Kingsley Publishers LTD.
- Bronfenbrenner, Uri. 2013. Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Adolescents and their Families: Structure, Function, and Parent-Youth Relations*, 22(6): 1-20.
- Che Mohd Zaid Yusuf. 2018. *Bi'ah Lughawiyyah Dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaysia.
- Che Mohd Zaid, Z.I. 2019. Bi'ah lughawiyyah dan pencapaian pelajar di universiti awam Malaysia: Peranan sikap pelajar sebagai mediator. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2): 70-100.
- Chionh, Y.H. & Fraser, B.J. 2009. Classroom environment, achievement, attitudes and self-esteem in geography and mathematics in Singapore. *International Research in Geographical and Environmental Education* 18(1): 29-44.
- Chua, S.L., Wong, A.F.L. & Chen, D.T. V. 2011. The nature of Chinese language classroom learning environments in Singapore secondary schools. *Learning Environments Research* 14(1): 75-90.
- Davis, J.A. 1971. *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Dunkin M. J. & Biddle B. J. 1974. *The Study of Teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Fraser, B.J. 1998. Classroom environment instruments: development, validity and applications. *Learning Environments Research* 1: 7-33.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah 2010. Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Students, *GEMA Online® Journal of Language Studies* 10(3): 15-33.
- H. Douglas Brown. 2000. *Principles of Language Learning and Teaching*. Fifth Edit. United State of America: Pearson Education.
- Hair, J., Anderson, R., Tatham, R. & Black, W. 2006. *Multivariate Data Analysis*. 5th edition. New Jersey: Prentice Hall International Inc.
- Hanefarezan Asbulah, L., Aqsha Lubis, M., Aladdin, A. & Sahrim, A. B. 2020. The level of students' engagement in Arabic within public universities. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 35(1): 1-16.
- Hayat Ameri, Faride Asareh. 2010. An investigation about language learning problems at elementary levels in bilingual areas of Iran. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 9 (2010): 1757-1761
- Ida Latifatul Umroh & Rahmat Yunus. 2020. Kondisi Bahasa Arab di lamongan pasca adanya kebijakan pemerintah daerah tentang kewajipan pembelajaran bahasa Arab bagi peserta didik. *al-Fakkaar: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa Arab* 1(1): 1-22.
- Irwan Fariza Sidik. 2019. *Sokongan Persekutaran dan Keterlibatan Pelajar dalam Meningkatkan Kemahiran Insaniah di Pelbagai Sekolah Menengah di Malaysia*. Tesis Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Irwan Fariza Sidik, M.M.A.& A.R.A. 2020. Keterlibatan pelajar dan hubungannya dengan kemahiran insaniah (students' involvement and its relationship with soft skills). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(01SI): 68-74.
- Irwan Fariza Sidik, M.M.A. & A.R.A., Yusoff, H.M., Azman, N. & Kuh, G.D. 2018. Keterlibatan pelajar dan hubungannya dengan kemahiran insaniah (students' involvement and its relationship with soft skills). *New Directions for Institutional Research*, 45 (141): 257-287
- Jafar Mohammad Batiha, Rosniah Mustaffa & Noorizah Mohd Noor. 2018. Foreign language speaking anxiety of Jordanian freshman English learners. *Akademika*, 88 (1): 153-165
- J.C.Nunally. 1978. *Psychometric Theory*. 2nd edition. New York: McGraw-Hill.
- Kamarulzaman, A.G., Ahmed Thalal, H.H., Ahmad, A.R., Mohd Aderi, C.N., Muhd Zahiri, A.M., Zawawi, I., Azmil, H., Saifuddin, H., Rohaidi, H. & Siti Apipah Munirah, S. 2018. Persekutaran bahasa Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2289-8042, (Special Issue): 644-656.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah). Putrajaya.
- Kerlinger, F.N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Krejcie, R. V & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610
- Lily Hanefarezan Asbullah. 2019. *Model Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar*. Tesis Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maimun Aqsa Lubis. 1997. *Satu Perbandingan Kesan Tiga Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Pencapaian Kemahiran Bahasa*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majdah Mohammad. 2011. *Kajian Keberkesanan Perlaksanaan Bahasa Arab Komunikasi dalam Program jQAF di Sekolah Rendah*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Ziyad Mukhtar & Saini Ag. Damit. 2017. Aplikasi lughat al-fasl dalam pengajaran bahasa Arab. *Manu* 2017, 26: 153-183.
- Mohammad Makinuddin. 2016. Lingkungan bahasa Arab di pemondokan santri mahasiswa pondok pesantren mambaus sholihin. *Jurnal Studi Keislaman*, 3: 232-260.

- Mohammed Nassim Negadi. 2015. Learning English in Algeria through French-based background proficiency. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 199: 496 - 500
- Mohammad Rusdi Ab Majid & Zawawi Ismail. 2017. Kreativiti pengajaran guru bahasa Arab di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 4 (April): 27-38.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj. Johari, Ag Agus Ag Chuchu, & Halimah Laji. 2014. *Komunikasi guru dalam bilik darjah dan tingkah laku delinkuen murid sekolah menengah*, *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5: 59-77.
- Ng Xue Jing & Wan Muna Ruzanna. 2019. Faktor ekstralinistik dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam murid warga asing di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *International Conference of Future Education and Advanced*, 418-427.
- Nor Suhaila Abdul. 2019. *Persekitaran Pembelajaran, Kesedaran Metakognitif dan Kemahiran Penyelesaian Masalah Matematik dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Suhaila Binti Abdul & Siti Mistima Maat. 2019. Pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap kesedaran metakognitif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Education and Pedagogy* 1(1): 12-20.
- Nor Yuzie Yusuf, R.A.& A.S.M.Y. 2014. Tingkah laku, emosi dan kognitif murid sebagai faktor peramal pencapaian akademik. *Journal of Human Capital Development* 7(1): 1-19.
- Nurwaina Rasit & Zawawi Ismail. 2019. Kebimbangan berbahasa lisan murid bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia. *Jurnal Administrasi Pendidikan UPI*, 26(2): 283-294.
- Okan, Z. 2008. Computing laboratory classes as language learning environments. *Learning Environments Research* 11: 31-48.
- Pareeda Hayeeteh, Shahidi A.H. & Rahim Aman 2020. Penerimaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Rajabhat Yala (Yru) Thailand. *Akademika* 90(3): 105-115
- Pramathevan, G.S. & Fraser, B.J. 2019. Learning environments associated with technology-based science classrooms for gifted Singaporean females. *Learning Environments Research* 23(2): 195-215.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, S.H.S.H.M. 2013. Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online Journal of Language Studies* 13: 99-116.
- Rungson Chomeya. 2010. Quality of Psychology Test Between Likert Scale 5 and 6 Points. *Journal of Social Sciences*, 6 (3): 399-403.
- Ryding, K. 2013. *Teaching and Learning Arabic as a Foreign Language: A Guide For Teachers* Georgetown University Press
- Seng, K.H. & Fraser, B.J. 2008. Using classroom psychosocial environment in the evaluation of adult computer application courses in Singapore. *Technology, Pedagogy and Education*, 17(1): 67-81.
- Seri Bunian Mokhtar. 2012. Faktor Persekitaran Pembelajaran, Pendekatan Pembelajaran dan Tahap Kemahiran Generik Dalam Kalangan Politeknik. Tesis Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Salwa Mohd Nor, N.C.H.& N.G. 2012. Penilaian Kemahiran Bertutur dalam Bahasa Arab Melalui Kaedah aktiviti Bahasa. Dlm. *Dinamika Pendidikan Bahasa Arab: Menelusuri Inovasi Profesionalisme Keguruan*, disunting oleh Kamarul Shukri Mat Teh, Zulazhan Ab Halim, N.M.R.& M.S.N., 100-114. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Skordi, P. & Fraser, B.J. 2019. Validity and use of the What Is Happening In this Class? (WIHIC) questionnaire in university business statistics classrooms. *Learning Environments Research* 22(2): 275-295.
- Tamam Hasan. 1984. *al-Tamhid fi Ikhtisas al-Lughah al-'Arabiyyah li Ghayr Natiqin biha*. Makkah: Wizarat al-Ta'lim al-'Ali al-Jami'at al-Umm al-Qura.
- Wan Sakiah Wan Ngah, Kamarulzaman Abdul Ghani & Maimun Aqsha Lubis. 2014. Persekitaran pembelajaran kefahaman bacaan bahasa Arab dalam kalangan murid j-QAF. *The Journal Online of Islamic*: 1-7.
- Wardatul Aishah Musa, Nooraini Othman, S.S.S.& M.N.H.J. 2016. Hubungan Antara Kesedaran Kendiri Dengan Teori Kognitif Sosial, Teori Goleman Dan Teori Astin (Relationship Between Self Awareness To the Cognitive Social Theory , Goleman Theory and Theory Astin). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 2(2): 62-68.
- Yasmine Kataw. 2016. Teaching Arabic as Foreign Language: The Role of Communicative Competence, Pragmatics and Literacy. Tesis Sarjana. Utah State University.
- VanPatten, B., & Benati, A. G. 2015. *Key Terms In Second Language Acquisition*. 2nd edition. London: Bloomsbur.
- Zamri Mahamod. 2007. *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa Pertama dan Kedua*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Zunita Mohamad & Harun Baharudin. 2020. Empowering student engagement in L3 through text chat discussion empowering student engagement in L3 through text. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt*, 17 (3): 291-313. <https://doi.org/10.48080/jae.v17i3.85>
- Harun Baharudin (corresponding author)**
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Emel: harunbaharudin@ukm.edu.my
- Fatin Hamimah Rosli**
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Emell: fatinhamimahrosli19@gmail.com
- Noorazi Rani**
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa
Lembah Pantai, 59200 Kuala Lumpur
Emel: razijapim@gmail.com

Received: 5 April 2022

Accepted: 9 September 2022